



Australian Government

Department of Infrastructure, Transport,
Regional Development and Communications

Perkhidmatan kawal atur minuman keras dan permainan

Disampaikan oleh Jabatan Industri Kerajaan Tempatan,
Sukan Dan Kebudayaan di Wilayah Lautan Hindi

1/04/2022

Perkhidmatan

Jabatan Industri Kerajaan Tempatan, Sukan Dan Kebudayaan (DLGSC) – Perlumbaan, Permainan Dan Minuman Keras, bagi pihak dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Australia, menyediakan perkhidmatan yang berikut kepada Wilayah Lautan Hindi:

- Pelesenan – Penilaian dan penentuan permohonan: Menerima, memproses dan menentukan permohonan yang berkait dengan industri minuman keras dan permainan komuniti selaras dengan undang-undang
- Pematuhan, audit dan pemeriksaan: Menjalankan audit dan pemeriksaan setiap dua tahun untuk menilai taraf tempat berlesen dan sama ada penyajian minuman keras dilakukan dengan cara yang bertanggungjawab dan dibenarkan oleh undang-undang
- Mendidik pemegang lesen yang lama dan baharu tentang syarat-syarat keperluan *Akta Kawalan Minuman Keras 1988* (WA) yang berkuat kuasa.

Apakah ertinya bagi saya?

DLGSC bertanggungjawab mempromosikan dan mengekalkan keutuhan aktiviti minuman keras dan permainan komuniti yang disediakan demi manfaat sosial dan ekonomi penduduk Wilayah Lautan Hindi, iaitu:

- mengawal atur penjualan, pembekalan dan penggunaan minuman keras
- mengurangkan mudarat atau masalah kesihatan terhadap pengguna minuman keras
- memenuhi keperluan pengguna minuman keras dan perkhidmatan yang berkait dengannya, berhubung dengan cara betul menghasilkan minuman keras, pelancongan dan industri-industri layanan yang lain.

Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya

Saluran	Butir-butir perhubungan
Telefon	08 6551 4888
E-mel	rgl@dlgsc.wa.gov.au
Laman web	www.dlgsc.wa.gov.au/racing-gaming-and-liquor